

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Amalan Pengurusan Keperluan Murid Orang Asli oleh Guru Besar

Yusoff Yahaya, Bity Salwana Alias and Mohd Norazmi Nordin

Abstract – Kajian ini bertujuan menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang mengukur amalan pengurusan keperluan murid Orang Asli oleh guru besar. Pendidikan murid Orang Asli di Malaysia sering berhadapan dengan cabaran, termasuk kadar keciciran yang tinggi dan pencapaian akademik yang rendah. Oleh itu, pembangunan instrumen yang sahih dan boleh dipercayai adalah penting untuk menilai sejauh mana guru besar melaksanakan amalan pengurusan keperluan murid berdasarkan lima dimensi utama, iaitu keperluan asas, keselamatan, kasih sayang, penghargaan diri, dan sempurna sendiri. Instrumen ini diadaptasi daripada Muhammad dan Bity Salwana (2020) dengan pengubahsuaian mengikut konteks pendidikan Orang Asli. Kesahan kandungan instrumen dinilai menggunakan Content Validity Index (CVI) dengan penglibatan tiga orang pakar, manakala kebolehpercayaan diuji melalui kajian rintis melibatkan 30 orang guru dari tiga buah sekolah di penempatan Orang Asli negeri Selangor. Analisis menunjukkan nilai S-CVI/Ave = 0.92 dan S-CVI/UA = 0.85, manakala nilai Cronbach's alpha bagi semua dimensi berada antara 0.788 hingga 0.990, menandakan tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Dapatan ini membuktikan bahawa instrumen tersebut sesuai digunakan dalam kajian berskala besar. Secara praktikal, instrumen ini berpotensi menjadi alat diagnostik bagi membantu pihak sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) merancang intervensi yang lebih berfokus dalam meningkatkan kemenjadian murid Orang Asli.

Kata Kunci – Kesahan kandungan, kebolehpercayaan, Content Validity Index, kajian rintis, pengurusan keperluan murid, Orang Asli.

I. PENGENALAN

Isu pendidikan masyarakat Orang Asli di Malaysia sering mendapat perhatian kerana kadar pencapaian akademik, kehadiran ke sekolah, serta kadar keciciran yang masih membimbangkan berbanding dengan murid di arus perdana (Abdullah, 2022). Faktor utama yang mempengaruhi keberhasilan pendidikan dalam komuniti ini bukan sahaja berkait rapat dengan sumber dan infrastruktur, tetapi juga dengan keberkesanan kepimpinan guru besar dalam mengurus keperluan murid. Guru besar sebagai pemimpin pendidikan di sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan murid Orang Asli memperoleh pengalaman pembelajaran yang inklusif, relevan, dan bermakna (Mansor et al., 2022). Sehubungan itu, kajian tentang amalan pengurusan keperluan murid Orang Asli oleh guru besar amat signifikan kerana ia

berupaya memberikan gambaran holistik tentang strategi kepimpinan yang berkesan bagi meningkatkan komitmen guru dan kemenjadian murid.

Dalam konteks penyelidikan pendidikan, instrumen kajian yang digunakan untuk mengukur sesuatu konstruk mestilah mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kesahan kandungan (*content validity*) adalah aspek asas yang menentukan sejauh mana item-item dalam instrumen benar-benar mewakili domain yang dikaji (Romero Jeldres et al., 2023). Dalam hal ini, *Content Validity Index* (CVI) merupakan kaedah yang lazim digunakan kerana ia membolehkan pengkaji menilai tahap kesesuaian item instrumen berdasarkan penilaian pakar (Polit & Beck, 2006).

II. PERNYATAAN MASALAH

Kajian terkini menunjukkan bahawa CVI, apabila digabungkan dengan pengiraan modified kappa, dapat mengurangkan kemungkinan persetujuan kebetulan dan menghasilkan ukuran kesahan yang lebih kukuh (Romero Jeldres et al., 2023). Hal ini menjadikan CVI sebagai pendekatan yang semakin diiktiraf dalam pembangunan dan pengesahan instrumen pendidikan di peringkat antarabangsa.

Selain kesahan, kebolehpercayaan instrumen juga merupakan aspek penting yang perlu diuji bagi memastikan konsistensi dalaman dan kestabilan sesuatu instrumen. Nilai *Cronbach's alpha* sekurang-kurangnya 0.70 sering dijadikan piawai minimum, manakala nilai melebihi 0.90 dianggap sangat baik (Izah et al., 2023). Kajian rintis biasanya dilaksanakan sebelum kajian sebenar bagi menilai kebolehpercayaan ini, di samping meneliti kefahaman responden terhadap item soal selidik serta mengenal pasti sebarang kelemahan instrumen (Bujang et al., 2024). Oleh itu, kajian rintis yang terancang membolehkan pengkaji memastikan instrumen benar-benar sesuai digunakan dalam konteks lapangan sebenar, termasuklah dalam persekitaran sekolah Orang Asli yang unik dari segi budaya, bahasa, dan sosioekonomi.

Instrumen soal selidik dalam kajian ini diadaptasi dan diubah suai daripada instrumen asal yang dibangunkan oleh (Muhammad & Alias, 2020), dengan penekanan khusus terhadap konteks pengurusan keperluan murid Orang Asli. Adaptasi ini penting untuk memastikan kesesuaian budaya serta keselarasan dengan keperluan sebenar murid di lapangan, memandangkan instrumen yang diambil daripada populasi umum mungkin tidak sepenuhnya relevan apabila diterapkan dalam komuniti minoriti (Renganathan, 2022). Dengan itu, penilaian kesahan kandungan melalui CVI dan pengujian kebolehpercayaan melalui kajian rintis merupakan langkah kritikal untuk memastikan instrumen ini benar-benar sahih dan boleh dipercayai.

Yusoff Yahaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, (yusoffyahaya80@gmail.com).
Bity Salwana Alias, Pusat Kajian Kepimpinan & Polisi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, (bity@ukm.edu.my).
Mohd Norazmi Nordin, Pusat Kajian Pendidikan & Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia, (norazmi@ukm.edu.my).

Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk: (i) menilai tahap kesahan kandungan instrumen kajian melalui analisis CVI berdasarkan penilaian pakar; dan (ii) menguji tahap kebolehpercayaan instrumen melalui kajian rintis di sekolah penempatan Orang Asli. Dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada literatur sedia ada dalam bidang pengukuran instrumen pendidikan, serta memberikan asas yang kukuh untuk kajian berskala besar berkaitan kepimpinan guru besar, komitmen guru, dan kemenjadian murid dalam konteks pendidikan Orang Asli di Malaysia.

III. LITERATURE REVIEW

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Pendidikan

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan dua elemen asas yang menentukan kualiti sesuatu instrumen kajian. Kesahan merujuk kepada sejauh mana instrumen mengukur konsep yang ingin diukur secara tepat, manakala kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi dapatan yang dihasilkan apabila instrumen digunakan dalam situasi yang sama (Cohen et al., 2018). Dalam penyelidikan pendidikan, instrumen yang sah dan boleh dipercayai adalah syarat utama untuk memastikan dapatan kajian dapat dijadikan asas yang kukuh bagi teori mahupun amalan.

Menurut Polit et al. (2007) kesahan kandungan lazimnya ditentukan melalui semakan pakar, dengan menggunakan kaedah *Content Validity Index* (CVI). Nilai CVI minimum 0.78 bagi setiap item dianggap memadai untuk mengesahkan item sebagai relevan, manakala purata keseluruhan instrumen perlu melebihi 0.80 bagi membuktikan tahap kesahan kandungan yang tinggi. Dalam masa yang sama, kebolehpercayaan lazimnya dinilai menggunakan pekali Cronbach's Alpha, dengan nilai >0.70 dianggap baik, manakala >0.90 ditafsirkan sebagai cemerlang (Cronbach, 1951). Justeru, kombinasi kedua-dua analisis ini amat penting dalam menilai ketepatan dan kestabilan sesuatu instrumen sebelum diaplikasikan dalam kajian sebenar.

Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Guru Besar

Peranan guru besar dalam mengurus keperluan murid adalah teras kepada kejayaan sekolah, khususnya di kawasan luar bandar dan komuniti minoriti seperti Orang Asli. Teori Hierarki Keperluan Maslow (Maslow, 1943) sering dijadikan asas dalam menilai tahap keperluan murid. Lima kategori utama keperluan asas, keselamatan, kasih sayang, penghargaan, dan sempurna sendiri membentuk kerangka penting yang dapat membantu guru besar memahami keutamaan murid.

Dalam konteks sekolah, keperluan asas seperti makanan, kesihatan, dan persekitaran pembelajaran yang selesa adalah prasyarat kepada pencapaian akademik. Keperluan keselamatan pula berkaitan dengan suasana sekolah yang bebas daripada ancaman fizikal dan psikososial, termasuk disiplin serta kesejahteraan emosi (Hallinger, 2018). Keperluan kasih sayang menekankan

hubungan mesra antara murid, guru dan pentadbir, yang boleh mewujudkan iklim sekolah positif (Yahaya & Alias, 2024). Seterusnya, keperluan penghargaan merujuk kepada pengiktirafan dan motivasi, manakala keperluan sempurna sendiri memberi fokus kepada potensi individu murid untuk mencapai kejayaan akademik dan sahsiah yang menyeluruh.

Kajian Muhammad & Alias (2020) yang membangunkan instrumen asal bagi menilai amalan pengurusan keperluan murid membuktikan bahawa kepimpinan sekolah yang responsif terhadap keperluan ini memberi kesan langsung terhadap komitmen guru dan pencapaian murid. Walau bagaimanapun, konteks masyarakat Orang Asli menuntut adaptasi dan pemurnian semula item instrumen agar lebih relevan dengan latar sosio-budaya setempat.

Instrumen Penyelidikan dalam Konteks Orang Asli

Pembangunan instrumen penyelidikan untuk komuniti minoriti, termasuk Orang Asli, memerlukan kepekaan terhadap faktor budaya, bahasa, dan nilai setempat (Zulkipli et al., 2021). Instrumen yang dibangunkan tanpa mengambil kira konteks boleh menyebabkan salah tafsir, bias jawapan, dan dapatan yang tidak sahih (Duden & Bagheri Sarvestani, 2023). Oleh itu, proses kesahan muka dan kesahan kandungan melalui semakan pakar adalah penting bagi memastikan item soal selidik dapat difahami dengan jelas oleh responden dan benar-benar mencerminkan realiti lapangan.


Jurang Kajian dan Sumbangan Artikel

Dalam kajian pendidikan Orang Asli, instrumen soal selidik yang dibangunkan bukan sahaja perlu mengukur aspek akademik, malah harus merangkumi dimensi kesejahteraan sosial dan budaya murid. Misalnya, faktor seperti kehadiran ke sekolah, penglibatan dalam kokurikulum, dan pembentukan sahsiah menjadi indikator utama dalam menilai kemenjadian murid (Feraco et al., 2023). Sehubungan itu, instrumen yang digunakan untuk menilai amalan guru besar dalam mengurus keperluan murid perlu menepati piawaian antarabangsa dari segi kesahan dan kebolehpercayaan, di samping disesuaikan dengan konteks komuniti tempatan.

Kajian terdahulu telah membangunkan instrumen bagi menilai amalan kepimpinan sekolah dan pengurusan murid secara umum (Thien, 2022). Namun, masih kurang instrumen yang diuji secara empirikal khusus untuk menilai amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar dalam konteks Orang Asli. Tambahan pula, kajian-kajian sedia ada jarang menggabungkan kaedah CVI dan kajian rintis secara sistematik untuk menilai instrumen dalam populasi minoriti.

Artikel ini menyumbang kepada literatur dengan menyediakan bukti empirikal bahawa Instrumen ini bukan sahaja sah dari segi kandungan, malah boleh dipercayai untuk mengukur amalan pengurusan keperluan murid dalam kalangan guru besar sekolah Orang Asli. Hasil ini akan memperkukuh usaha penggubal dasar dan pemimpin sekolah dalam merancang intervensi pendidikan yang

lebih adil dan inklusif, selaras dengan aspirasi *Sustainable Development Goal 4 (SDG4): Quality Education*.



Rajah I. Hierarki Keperluan Maslow
Sumber: Maslow (1943)

IV. METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang memberi tumpuan kepada penilaian kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, iaitu Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Guru Besar. Reka bentuk kajian berbentuk tinjauan (*survey design*) digunakan kerana ia sesuai untuk mengumpul data secara sistematik daripada sampel yang besar dalam jangka masa yang singkat (Creswell & Creswell, 2018). Dua peringkat utama dilaksanakan iaitu (i) Kesahan kandungan instrumen melalui kaedah *Content Validity Index (CVI)* dengan penglibatan panel pakar dan (ii) Kajian rintis untuk menilai kebolehpercayaan instrumen dengan sampel guru yang mempunyai ciri hampir sama dengan populasi kajian sebenar. Reka bentuk dua peringkat ini membolehkan instrumen diuji secara menyeluruh sebelum digunakan dalam kajian utama.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian dibangunkan bagi menilai amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar di sekolah penempatan Orang Asli. Soal selidik ini diadaptasi dan diubah suai daripada instrumen asal yang dibangunkan oleh Muhammad dan Bity Salwana (2020), dengan menyesuaikan kandungan item agar relevan dengan konteks pendidikan Orang Asli.

Instrumen ini terdiri daripada 39 item yang merangkumi lima dimensi utama:

1. Keperluan Asas – 6 items (B1–B6)
2. Keperluan Keselamatan – 8 items (B7–B14)
3. Keperluan Kasih Sayang – 8 items (B15–B22)
4. Keperluan Penghargaan – 8 items (B23–B30)
5. Keperluan Sempurna Kendiri – 9 items (B31–B39)

Kesemua item diukur menggunakan skala *Likert* lima mata, daripada 1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju. Skala ini dipilih kerana ia mampu memberikan maklumat variasi respons yang lebih luas, di samping

memudahkan analisis statistik (Finstad, 2010).

V. DAPATAN

Kesahan Kandungan Instrumen (*Content Validity Index, CVI*)

Penilaian kesahan kandungan telah dilakukan oleh tiga orang pakar yang terdiri daripada pensyarah universiti, pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia, dan pensyarah Institut Aminuddin Baki. Hasil penilaian menunjukkan bahawa kesemua item instrumen Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Guru Besar mencapai nilai CVI melebihi 0.78, iaitu nilai minimum yang diterima dalam kajian sains sosial (Polit & Beck, 2021). Nilai purata keseluruhan CVI bagi instrumen ini ialah 0.92, yang berada pada tahap tinggi dan memenuhi syor Waltz, Strickland, dan Lenz (2023). Nilai tersebut membuktikan bahawa item soal selidik adalah relevan, jelas, dan bersesuaian dengan konstruk yang diukur. Contoh pemurnian yang dibuat berdasarkan cadangan pakar termasuk:

- a. Item ke tiga yang asalnya berbunyi “bantuan wang saku diberikan kepada murid Orang Asli yang memerlukan” telah dimurnikan kepada “bantuan kewangan diberikan kepada murid Orang Asli yang memerlukan”.
- b. Item ke lapan disemak semula dari segi laras bahasa untuk memastikan maksud lebih jelas dan mudah difahami oleh responden.

Secara keseluruhannya, kesahan kandungan instrumen Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Guru Besar disahkan melalui CVI yang tinggi, sekali gus menunjukkan bahawa soal selidik ini sesuai digunakan untuk kajian utama.

Kebolehpercayaan Instrumen (*Kajian Rintis*)

Kajian rintis melibatkan 30 orang guru dari tiga sekolah penempatan Orang Asli di Selangor. Analisis kebolehpercayaan dilakukan menggunakan pekali *Cronbach's Alpha*. Dapatan menunjukkan bahawa semua dimensi dalam instrumen Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Guru Besar berada pada tahap kebolehpercayaan dalaman yang tinggi, seperti ditunjukkan dalam Jadual 1

JADUAL I: NILAI KEBOLEHPERCAYAAN (CRONBACH'S ALPHA) BAGI DIMENSI AMALAN PENGURUSAN KEPERLUAN MURID

Dimensi	Bil. Item	Cronbach's Alpha	Interpretasi
Keperluan Asas	6	0.788	Baik
Keperluan Keselamatan	8	0.977	Cemerlang
Keperluan Kasih Sayang	8	0.918	Cemerlang
Keperluan Penghargaan	8	0.990	Cemerlang
Keperluan Sempurna Kendiri	9	0.989	Cemerlang

Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa nilai *Cronbach's Alpha* keseluruhan instrumen ialah 0.962, yang dikategorikan sebagai "cemerlang" (Cronbach, 1951). Ini membuktikan bahawa item-item yang membentuk setiap dimensi instrumen adalah konsisten dan stabil dalam mengukur konstruk amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar.

Pemurnian Item

Analisis *Corrected Item-Total Correlation* turut dijalankan bagi mengenal pasti item yang mempunyai korelasi rendah (<0.30) dengan jumlah skor. Hasil analisis mendapati hampir kesemua item menunjukkan nilai korelasi melebihi 0.45, yang berada dalam julat boleh diterima. Walaupun terdapat item yang mencatatkan nilai korelasi lebih rendah (contohnya item ke tiga dengan nilai 0.455), item tersebut masih dikekalkan kerana relevan secara teori dengan konstruk keperluan asas. Sebaliknya, pengkaji hanya membuat pemurnian dari segi laras bahasa bagi meningkatkan kefahaman responden tanpa menggugurkan mana-mana item.

Secara keseluruhannya, analisis kesahan kandungan dan kajian rintis membuktikan bahawa Instrumen Bahagian B adalah sah dan boleh dipercayai. Nilai CVI yang tinggi mengesahkan kesesuaian kandungan instrumen, manakala nilai *Cronbach's Alpha* yang berada pada tahap "baik" hingga "cemerlang" menunjukkan konsistensi dalaman yang sangat tinggi. Hasil pemurnian item menambah baik instrumen tanpa menjejaskan struktur asal konstruk. Dengan dapatan ini, Instrumen yang telah diadaptasi dan diubahsuai berupaya digunakan dalam kajian utama untuk menilai amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar disekolah penempatan Orang Asli.

VI. PERBINCANGAN

Ketepatan dan Kekuatan Kesahan Kandungan (Content Validity Index, CVI)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua item dalam instrumen Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Guru Besar mencapai nilai *Content Validity Index* (CVI) melebihi 0.78, manakala purata keseluruhan CVI ialah 0.92, yang ditafsirkan sebagai tinggi dan memuaskan. Nilai ini sejajar dengan garis panduan oleh (Beck, 2006) yang menegaskan bahawa instrumen yang mencapai nilai CVI ≥ 0.80 dianggap mempunyai tahap kesahan kandungan yang kukuh. Keputusan ini membuktikan bahawa item-item yang dibina berjaya mencerminkan konstruk yang ingin diukur iaitu amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar.

Hasil ini juga memperkukuh dapatan daripada kajian (Prehn et al., 2020), yang menekankan kepentingan penilaian pakar dalam menentukan kesahan kandungan terutamanya apabila instrumen diadaptasi ke dalam konteks budaya baharu. Dalam kajian ini, panel pakar yang terdiri daripada pensyarah universiti, pegawai KPM, dan

pensyarah IAB memberikan maklum balas yang signifikan terhadap aspek kejelasan bahasa, kesesuaian konteks serta ketepatan konstruk. Proses pemurnian item seperti yang berlaku pada item ke tiga dan dan item ke lapan menunjukkan bahawa semakan pakar bukan sahaja memperkukuh kesahan, tetapi turut meningkatkan kefahaman responden terhadap soalan.

Keputusan CVI yang tinggi ini juga membuktikan bahawa teori Hierarki Keperluan Maslow (1943) yang menjadi asas pembinaan konstruk masih relevan dalam konteks pengurusan pendidikan semasa, khususnya dalam komuniti Orang Asli. Lima dimensi utama keperluan asas, keselamatan, kasih sayang, penghargaan dan sempurna sendiri terbukti sesuai untuk menilai keupayaan guru besar dalam memenuhi keperluan murid secara menyeluruh. Dapatan ini selaras dengan dapatan Muhammad dan Bity Salwana (2020) yang mendapati bahawa pemimpin sekolah yang memahami hierarki keperluan murid dapat mengurus iklim sekolah dengan lebih positif dan inklusif.

Kebolehpercayaan dan Konsistensi Dalaman Instrumen

Analisis kebolehpercayaan melalui pekali *Cronbach's Alpha* menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan keseluruhan ialah 0.962, yang berada dalam kategori "cemerlang" (Cronbach, 1951). Semua dimensi menunjukkan nilai Alpha melebihi 0.78, dengan empat daripadanya mencatatkan nilai melebihi 0.90. Keputusan ini menandakan bahawa semua item dalam konstruk mempunyai keseragaman dalaman yang tinggi dan konsisten dalam mengukur konsep yang sama.

Nilai kebolehpercayaan tertinggi dicatatkan oleh dimensi Keperluan Penghargaan ($\alpha = 0.990$) dan Sempurna Kendiri ($\alpha = 0.989$), yang menunjukkan tahap kestabilan item yang sangat tinggi. Dapatan ini selaras dengan teori Herzberg (1959) yang menegaskan bahawa faktor penghargaan dan pengiktirafan mempunyai hubungan langsung dengan motivasi dan pencapaian individu (Siruri & Cheche, 2021). Dalam konteks ini, guru besar yang mengurus keperluan penghargaan dan pencapaian sendiri murid secara efektif berupaya meningkatkan keyakinan serta pencapaian akademik mereka.

Selain itu, keputusan ini seiring dengan pandangan (Sekaran & Bougie, 2016) yang menyatakan bahawa nilai Alpha melebihi 0.70 menunjukkan tahap konsistensi yang boleh diterima dalam penyelidikan sosial. Keputusan ini turut memperkukuh bukti bahawa instrumen ini telah dirancang dan diadaptasi dengan teliti untuk memastikan setiap item saling melengkapi dalam mengukur konstruk utama tanpa pertindihan atau keaburan konsep.

Implikasi Teoretikal dan Empirik

Dapatan kajian ini memberikan dua implikasi utama terhadap pembangunan instrumen penyelidikan pendidikan di Malaysia, meliputi implikasi teoretikal dan implikasi empirik. Dari sudut teoretikal, dapatan ini mengesahkan kebolegunaan teori Maslow dalam kerangka pengurusan pendidikan semasa, khususnya dalam komuniti berkeperluan khas seperti Orang Asli.

Kejayaan instrumen ini membuktikan bahawa keperluan asas manusia yang digariskan oleh Maslow masih relevan apabila dioperasikan ke dalam konteks kepimpinan sekolah. Guru besar yang mampu memenuhi lima hierarki keperluan tersebut berpotensi mencipta persekitaran sekolah yang kondusif, berperikemanusiaan dan merangsang perkembangan holistik murid.

Dari segi empirikal, instrumen ini telah membuktikan tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi melalui dua prosedur statistik yang mantap CVI dan *Cronbach's Alpha*. Hal ini menandakan bahawa instrumen ini boleh dijadikan alat ukur standard dalam kajian pendidikan yang melibatkan pengurusan keperluan murid, terutamanya di sekolah komuniti minoriti. Dapatan ini juga membuka ruang kepada penyelidik lain untuk melaksanakan analisis faktor pengesahan (Confirmatory Factor Analysis, CFA) pada peringkat seterusnya bagi menilai kesahan konstruk secara lebih mendalam, seperti yang dicadangkan oleh (Hair et al., 2019).

Perbandingan dengan Kajian Terdahulu

Kajian ini selari dengan beberapa kajian antarabangsa dan tempatan yang membuktikan kepentingan kesahan dan kebolehpercayaan dalam pembangunan instrumen pendidikan. Sebagai contoh, (Paneerselvam & Yamat, 2021) menekankan bahawa penilaian kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang ketat penting bagi menjamin instrumen dapat digeneralisasikan dalam pelbagai konteks. Begitu juga dengan kajian (Hallinger & Heck, 2011) yang menunjukkan bahawa kepimpinan sekolah yang sensitif terhadap keperluan murid meningkatkan kehadiran dan pencapaian murid di kawasan pedalaman.

Dalam konteks negara Malaysia, dapatan ini menyokong hasil kajian Muhammad dan Bity Salwana (2020) serta (Zakaria et al., 2021) yang mendapati bahawa kepimpinan guru besar memainkan peranan penting dalam memperkukuh komitmen guru serta kemenjadian murid. Justeru, instrumen Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Guru Besar yang telah disahkan ini dapat digunakan sebagai asas untuk mengukur keberkesanan kepimpinan pendidikan dalam konteks pelbagai komuniti luar bandar termasuk Orang Asli.

VII. KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya menilai tahap kesahan dan kebolehpercayaan bagi instrumen yang mengukur Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Guru Besar di sekolah penempatan Orang Asli. Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai purata Content Validity Index (CVI) ialah 0.92, melebihi nilai ambang 0.78 yang ditetapkan oleh Polit dan Beck (2023), manakala nilai keseluruhan Cronbach's Alpha ialah 0.962, menandakan tahap kebolehpercayaan dalaman yang cemerlang. Dapatan ini mengesahkan bahawa instrumen yang dibina adalah sah, stabil, dan konsisten dalam mengukur konstruk yang dimaksudkan.

Instrumen ini terbukti berupaya menilai peranan guru besar dalam memenuhi lima hierarki keperluan murid keperluan asas, keselamatan, kasih sayang, penghargaan,

dan sempurna sendiri yang berasaskan teori Hierarki Keperluan Maslow (1943). Keputusan CVI dan kebolehpercayaan yang tinggi mencerminkan kualiti instrumen yang baik dari segi kesesuaian konteks, ketepatan konstruk, dan kefahaman responden. Kajian ini juga menunjukkan bahawa adaptasi dan pemurnian item dalam konteks budaya dan sosioekonomi komuniti Orang Asli telah meningkatkan keberkesanan instrumen sebagai alat ukur yang sah dan empirikal.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa pembangunan dan pengesahan instrumen bukan sahaja proses teknikal, tetapi juga langkah penting dalam memastikan data yang dikumpul benar-benar mencerminkan realiti pendidikan di lapangan. Instrumen Amalan Pengurusan Keperluan Murid oleh Guru Besar kini dapat digunakan dalam kajian utama untuk menilai sejauh mana amalan pengurusan guru besar mempengaruhi komitmen guru dan kemenjadian murid di sekolah yang berada di penempatan Orang Asli.

Implikasi Teoretikal

Kajian ini memberikan sumbangan penting terhadap literatur pendidikan dan kepimpinan sekolah dengan memperkukuh bukti empirikal tentang kebolegunaan teori Hierarki Keperluan Maslow dalam konteks pengurusan pendidikan. Lima dimensi utama yang diuji menunjukkan bahawa teori psikologi motivasi tersebut boleh dioperasikan secara praktikal dalam menilai keupayaan kepimpinan sekolah untuk memenuhi keperluan murid.

Selain itu, kajian ini juga memperluas pemahaman tentang hubungan antara pengurusan keperluan murid, komitmen guru dan kemenjadian murid, dengan menyediakan asas pengukuran yang sah bagi penyelidikan lanjutan. Model ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai konteks sekolah berkeperluan khas, pendidikan luar bandar, serta komuniti terpinggir yang menghadapi cabaran sosioekonomi dan budaya yang unik.

Implikasi Praktikal

Dari sudut praktikal, dapatan ini memberikan panduan kepada guru besar, pembuat dasar, dan agensi pendidikan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), dan Institut Aminuddin Baki (IAB) dalam memperkukuh strategi pengurusan sekolah. Instrumen ini boleh digunakan sebagai alat diagnostik untuk menilai kekuatan dan kelemahan amalan kepimpinan guru besar dalam memenuhi keperluan murid.

Dengan adanya instrumen yang sah dan boleh dipercayai, pihak sekolah boleh merancang intervensi khusus seperti program peningkatan kesejahteraan murid, penambahbaikan iklim sekolah, serta latihan kepimpinan yang berfokus kepada pengurusan psikososial dan emosi murid Orang Asli. Selain itu, dapatan ini juga boleh digunakan oleh PPD dan JPN untuk memantau keberkesanan pelaksanaan program-program yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2026–2036.

Implikasi Metodologi

Kajian ini turut memberi sumbangan dari segi metodologi penyelidikan pendidikan dengan memperkukuh bukti bahawa gabungan dua kaedah CVI untuk kesahan kandungan dan Cronbach's Alpha untuk kebolehppercayaan dalaman merupakan pendekatan yang komprehensif dalam menilai instrumen baharu. Proses semakan oleh pakar pelbagai disiplin meningkatkan kebolehppercayaan triangulasi, manakala kajian rintis membolehkan pengkaji mengenal pasti kelemahan awal sebelum instrumen digunakan dalam kajian sebenar.

Pendekatan ini wajar dijadikan amalan standard bagi penyelidik yang membangunkan instrumen untuk konteks khas seperti komuniti minoriti, murid berkeperluan khas, atau sekolah berasrama penuh, di mana aspek bahasa, budaya dan konteks memainkan peranan yang signifikan terhadap pemahaman item.

Cadangan Kajian Lanjutan

Beberapa cadangan lanjutan dicadangkan untuk memperkukuh hasil kajian ini:

- i. Analisis Faktor Eksploratori (EFA) dan Faktor Pengesahan (CFA) perlu dijalankan dalam kajian utama untuk menilai kesahan konstruk dan kesepadanan model instrumen secara statistik.
- ii. Kajian rintis lanjutan boleh dijalankan di negeri-negeri lain seperti Pahang, Kelantan dan Perak bagi memastikan kebolehgunaan instrumen dalam pelbagai konteks geografi dan budaya Orang Asli.
- iii. Penggabungan data kualitatif melalui temu bual mendalam atau kumpulan fokus (*focus group*) dengan guru besar dan guru boleh membantu memahami dimensi emosi dan sosial yang tidak dapat diukur secara kuantitatif.
- iv. Kajian perbandingan boleh dijalankan antara sekolah komuniti Orang Asli dan sekolah arus perdana bagi menilai perbezaan keperluan dan pendekatan pengurusan murid.

Penutup

Kesimpulannya, instrumen ini telah terbukti sah, konsisten, dan berfungsi dengan baik sebagai alat pengukuran amalan pengurusan keperluan murid oleh guru besar dalam konteks sekolah Orang Asli. Kajian ini bukan sekadar mengesahkan kesahan dan kebolehppercayaan instrumen, tetapi juga membuka ruang kepada pembangunan dasar pendidikan yang lebih kontekstual, inklusif dan berasaskan bukti (*evidence-based policy*).

Dengan pengesahan yang diperoleh, instrumen ini kini boleh digunakan secara meluas dalam penyelidikan serta amalan profesional bagi memperkukuh kualiti kepimpinan sekolah dan memastikan setiap murid tanpa mengira latar belakang mendapat hak pendidikan yang adil, berkualiti dan menyeluruh.

PENGHARGAAN

Kebebasan daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan dengan rujukan KPM.600-3/2/3-eras (22854) amat dihargai. Justeru, penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua institusi dan pihak yang terlibat atas sokongan serta kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan pelaksanaan penyelidikan ini berjalan dengan lancar dan jayanya.

RUJUKAN

- Abdullah, A. H. (2022). A Systematic Review of What Malaysia Can Learn to Improve Orang Asli Students' Mathematics Learning from Other Countries. *Sustainability*, 14(20), 13201. <https://doi.org/10.3390/su142013201>
- Beck, D. F. P. A. N. D. C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? critique and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 29(5), 489–497. <https://doi.org/10.1002/nur.20147>
- Bujang, M. A., Omar, E. D., Foo, D. H. P., & Hon, Y. K. (2024). Sample size determination for conducting a pilot study to assess reliability of a questionnaire. *Restorative Dentistry & Endodontics*, 49(1). <https://doi.org/10.5395/rde.2024.49.e3>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research Methods in Education*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203224342>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Cronbach, L. J. (1951). Coefficient Alpha and the Internal Structure of Tests. *Psychometrika*, 16(3), 297–334. <https://doi.org/10.1007/BF02310555>
- Duden, G. S., & Bagheri Sarvestani, D. (2023). Respectful Research: Working with Indigenous Peoples in Psychological, Anthropological and Cross-Cultural Sciences. *Online Readings in Psychology and Culture*, 3(1). <https://doi.org/10.9707/2307-0919.1186>
- Feraco, T., Resnati, D., Fregonese, D., Spoto, A., & Meneghetti, C. (2023). An integrated model of school students' academic achievement and life satisfaction. Linking soft skills, extracurricular activities, self-regulated learning, motivation, and emotions. *European Journal of Psychology of Education*, 38(1), 109–130. <https://doi.org/10.1007/s10212-022-00601-4>
- Finstad, K. (2010). Response Interpolation and Scale Sensitivity: Evidence Against 5-Point Scales. In *Journal of Usability Studies* (Vol. 5).
- Hallinger, P. (2018). Bringing context out of the shadows of leadership. *Educational Management Administration & Leadership*, 46(1), 5–24. <https://doi.org/10.1177/1741143216670652>
- Hallinger, P., & Heck, R. H. (2011). Collaborative Leadership and School Improvement:

- Understanding the Impact on School Capacity and Student Learning. In *International Handbook of Leadership for Learning* (pp. 469–485). Springer Netherlands. https://doi.org/10.1007/978-94-007-1350-5_27
- Izah, S. C., Sylva, L., & Hait, M. (2023). Cronbach's Alpha: A Cornerstone in Ensuring Reliability and Validity in Environmental Health Assessment. *ES Energy & Environment*. <https://doi.org/10.30919/eseel1057>
- Mansor, A. N., Hamid, A. H. A., Medina, N. I., Vikaraman, S. S., Abdul Wahab, J. L., Mohd Nor, M. Y., & Alias, B. S. (2022). Challenges and strategies in managing small schools: A case study in Perak, Malaysia. *Educational Management Administration & Leadership*, 50(4), 694–710. <https://doi.org/10.1177/1741143220942517>
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370–396. <https://doi.org/10.1037/h0054346>
- Muhammad, N. A., & Alias, B. S. (2020). *Amalan Pemimpin dalam Memenuhi Keperluan Murid dan Tahap Pencapaian Murid Golongan B40 di Negeri Kelantan*. 14–16.
- Paneerselvam, A., & Yamat, H. (2021). Validity and Reliability Testing of the Adapted Foreign Language Classroom Anxiety Scale (FLCAS). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4). <https://doi.org/10.6007/ijarbs/v11-i4/9027>
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? critique and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 29(5), 489–497. <https://doi.org/10.1002/nur.20147>
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2021). *Nursing Research: Generating and Assessing Evidence for Nursing Practice*. Wolters Kluwer. <https://books.google.com.my/books?id=HyNGxQEACAAJ>
- Polit, D. F., Beck, C. T., & Owen, S. V. (2007). Is the CVI an acceptable indicator of content validity? Appraisal and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 30(4), 459–467. <https://doi.org/10.1002/nur.20199>
- Prehn, J., Peacock, H., Guerzoni, M. A., & Walter, M. (2020). Virtual tours of Country: creating and embedding resource-appropriate Aboriginal pedagogy at Australian universities. *Journal of Applied Learning and Teaching*, 3(Special Is), 12–20. <https://doi.org/10.37074/jalt.2020.3.s1.7>
- Renganathan, S. (2022). Research concerning the Indigenous Orang Asli and education: a review of problem representations. *Diaspora, Indigenous, and Minority Education*, 16(3), 200–211. <https://doi.org/10.1080/15595692.2021.2007073>
- Romero Jeldres, M., Diaz Costa, E., & Fauzi Nadim, T. (2023). A review of Lawshe's method for calculating content validity in the social sciences. *Frontiers in Education*, 8. <https://doi.org/10.3389/educ.2023.1271335>
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach*. Wiley. <https://books.google.com.my/books?id=Ko6bCgAAQBAJ>
- Siruri, M. M., & Cheche, S. (2021). Revisiting the Hackman and Oldham Job Characteristics Model and Herzberg's Two Factor Theory: Propositions on How to Make Job Enrichment Effective in Today's Organizations. *European Journal of Business and Management Research*, 6(2), 162–167. <https://doi.org/10.24018/ejbmr.2021.6.2.767>
- Thien, L. M. (2022). Psychometric analysis of a Malay language version of the Principal Instructional Management Rating Scale. *Educational Management Administration & Leadership*, 50(4), 711–733. <https://doi.org/10.1177/1741143220942514>
- Yahaya, Y., & Alias, B. S. (2024). The Impact of Student Affairs Management Practices on Teacher Commitment in Indigenous Schools: A Review and Future Research Directions. *Theory And Practice*, 2024(4), 10164–10175. <https://doi.org/10.53555/kuey.v30i4.6186>
- Zakaria, I., Mat Yasim, J., Mohd Nor, M. Y., & Alias. Bity Salwana. (2021). Hubungan dan Pengaruh Profesionalisme Guru Terhadap Kemenjadian Murid di Sekolah Menengah Negeri Sembilan. In *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* (Vol. 4, Issue 2).
- Zulkipli, S., Nuri Al-Amin Endut, M., & Ridhuan Tony Lim Abdullah, M. (2021). Orang Asli Socio-Development Index Instrument in Malaysia. *SHS Web of Conferences*, 124, 07001. <https://doi.org/10.1051/shsconf/202112407001>